

Polis cari Edi

KUALA LANGAT - Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat sedang mengesan seorang lelaki dikenali sebagai Edi bagi membantu menyelesaikan kes bunuh seorang lelaki warganegara Bangladesh.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, mayat seorang lelaki ditemui di tepi jalan Kampung Lombong, berhampiran Shah Alam pada 25 Disember 2015.

Menurutnya, mangsa yang berumur 30-an itu dikenali Md Sahidul Islam bekerja sebagai pemandu lori dan tinggal di Sungai Jarom.

"Mangsa ditemui dalam keadaan terikat di bahagian kaki dan terdapat kesan darah di bahagian kepala. Hasil siasatan mendapati si mati diculik oleh sekumpulan lelaki warganegara Indonesia di rumah Jalan Kuini 3, Taman Sri Jarom dan dibunuh dalam tempoh 12 jam.

"Hasil siasatan yang dijalankan terhadap mangsa mendapati si mati tidak bermusuh dengan sesiapa," katanya dalam Sidang Media di IPD Kuala Langat, kelmarin.

Zailan berkata, seramai 12 rakan serumah Edi ditahan untuk membantu siasatan dan empat daripadanya ditahan bagi membantu siasatan dan telah dituduh di Mahkamah Majistret Telok Datok di bawah Akta Imigresen pada 8 Januari lalu dan sebahagiannya dibebaskan.

Katanya, usaha mencari Edi masih giat dijalankan dan dipercayai masih berada di sekitar Klang.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta berhubung dengan pegawai penyiasat, Mohd Anuar Hamid di talian 013-2918584 atau balai polis berhampiran.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.



Zailan menunjukkan gambar Edi yang dicari polis.